



Helo Kampus



Johor

UTHM dapat perpustakaan baru

JOHOR BAHRU 22 Jun – Bagi meningkatkan tahap pencapaian maklumat dan keselesaan penuntutnya, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) membina sebuah perpustakaan baru.

Perpustakaan baru yang telah siap dibina itu dijadual mula digunakan pada semester Julai ini.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafry Salim berkata, kerja-kerja perpindahan ke bangunan perpustakaan baru itu akan dilakukan dalam masa terdekat bagi memastikan ia sedia digunakan oleh mahasiswa pada Semester 1 Sesi 2010/2011 pada Julai ini.

Bangunan perpustakaan baru itu mempunyai keluasan 16,000 meter persegi yang mampu memuatkan sebanyak 300,000 jilid koleksi buku dan boleh menampung kapasiti sehingga 2,400 pengguna.

Ia turut dilengkapi dengan 40 bilik perbincangan, dua bilik seminar, Pejabat Canselori yang menempatkan Pejabat Naib Canselor, Dewan Jemaah, Bilik Mesyuarat Eksekutif, Dewan Jamuan, Bilik Jamuan Eksekutif dan dewan-dewan kuliah

untuk kegunaan mahasiswa.

“Ruang bawah bangunan perpustakaan ini juga akan menempatkan kafetaria untuk kemudahan mahasiswa dan para pengunjung perpustakaan,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata, baru-baru ini UTM turut mengadakan satu majlis doa selamat dan solat hajat di Ruang Pustaka Kanak-kanak bangunan berkenaan.

Majlis itu dihadiri Naib Canselor UTHM Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin; Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan), Prof. Ir. Dr. Zainal Abidin Ahmad; Pengarah Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Hartabina, Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Abd. Karim dan Ketua Pustakawan, Bharun Narosid Mat Zin.

Selepas majlis itu turut diadakan upacara penyerahan bangunan kepada pihak UTHM daripada pihak pemaju, Pembinaan Hamid Abdul Rahman dan Ekovest (JV) Sdn. Bhd serta disaksikan wakil Jabatan Kerja Raya.



BANGUNAN perpustakaan baru UTHM Batu Pahat.